

---

Abdul Rashid Rajantharan Abdullah LWN. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia &  
Yang Lain

Mahkamah Tinggi Malaya, Pulau Pinang  
ABDUL HAMID MOHAMAD  
PERMOHONAN JENAYAH NO. 44-96-90  
7 MAC 1991  
[1991] 1 CLJ Rep 505; [1991] 2 CLJ 1123

*TAHANAN PENCEGAHAN: Perintah tahanan - Isi kandungan - Penterjemahan - Kegagalan penterjemah memfail affidavit - Kecacatan bentuk atau isi - "Hearsay" - Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, s. 3(1).*

Defendan pertama, D1, telah mengeluarkan perintah tahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 (Akta tersebut) kepada pemohon R.

R berhujah bahawa perintah tahanan tidak sah kerana tanpa affidavit penterjemah yang telah menterjemahkan perintah tahanan dan alasan dan juga tuduhan yang dikembarkan kepada perintah tahanan itu, tidak memadai untuk mengatakan bahawa dokumen-dokumen itu diterjemahkan kepada R dan jika diterjemahkan, tanpa affidavit penterjemah itu, apa yang dikatakan oleh M dalam affidavitnya berkenaan penterjemahan adalah "hearsay";

**Diputuskan:**

[1] Berdasarkan apa yang dinyatakan oleh M dalam affidavitnya dan apa yang tercatat di mukasurat 2 perintah tahanan tersebut iaitu tandatangan dan butir-butir penterjemah yang dia telah menterjemahkan isi kandungan dokumen kepada R dalam Bahasa Tamil, dan juga kegagalan R untuk memfail affidavit yang mengatakan sebaliknya, isi kandungan dokumen-dokumen itu telah diterjemahkan kepada R.

[2] Soal "hearsay" tidak timbul kerana apa yang dikatakan oleh penterjemah itu tidak dimasukkan sebagai keterangan - yang menjadi keterangan ialah bahawa M telah menerangkan isi kandungan dokumen kepada R dan penerangan ini telah diterjemahkan kepada R dan penterjemahan ini disahkan oleh penterjemah dalam perintah tahanan.

[3] Oleh kerana tahanan hanya boleh dicabar kerana tidak mematuhi peruntukan prosedur, tidak sepatutnya menyebabkan Mahkamah lupa kepada isi dan cuma memandang kepada bentuk; Mahkamah harus menyoal jikalau kecacatan bentuk itu menyebabkan kecacatan isinya. Dalam kes ini, kegagalan penterjemah memfail affidavit bukanlah satu kegagalan ketidakpatuhan kehendak prosedur yang mengakibatkan perintah tahanan yang tidak sah.

[Nota Pengarang: R telah membuat rayuan kepada Mahkamah Agung pada 5 Februari 1991]

**Case(s) referred to:**

[Naranjan Singh V. Public Prosecutor \[1948\] 1 LNS 36](#)

[Tang Lew Keng V. Public Prosecutor \[1968\] 1 LNS 153](#)

**Legislation referred to:**

Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985, ss. 3(1), 6(1)

Federal Constitution, art. 5(3)

**Counsel:**

*Bagi pihak pemohon - Karpal Singh; T/n. Karpal Singh & Co.*

*Bagi pihak responden - Noorbahri bin Baharuddin, Peguam Persekutuan, Kementerian Dalam Negeri*

**PENGHAKIMAN****Abdul Hamid Mohamed PK:**

Pemohon ditangkap di bawah s. 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 pada 7 Mac 1990. Pada 5 Mei 1990 Timbalan Menteri Dalam Negeri mengeluarkan perintah di bawah s. 6(1) Akta itu mengarahkannya ditahan selama 2 tahun.

Pada mulanya Encik Karpal Singh, Peguam pemohon mengemukakan dua alasan untuk permohonan ini. Atas persetujuan semua pihak keputusan kes ini ditangguh sementara menunggu keputusan Mahkamah Agung berkenaan salah satu daripada alasan itu yang juga berbangkit dalam kes-kes sebelum ini. Berdasarkan keputusan Mahkamah Agung berkenaan persoalan, Encik Karpal Singh menarik balik alasan itu. Yang tinggal hanyalah satu alasan sahaja.

Alasan itu ialah tanpa affidavit penterjemah yang menterjemahkan perintah tahanan dan alasan-alasan dan juga tuduhan-tuduhan yang dikembarkan kepada perintah tahanan itu (Ekshibit "CMB1" dan "CMB2" kepada affidavit Inspektor Che Malek bin Bedot), adalah tidak memadai untuk mengatakan bahawa dokumen-dokumen itu diterjemahkan kepada pemohon, dan, jika diterjemahkan pun, tanpa affidavit penterjemah itu, apa yang dikatakan oleh Inspektor Che Malek dalam affidavitnya berkenaan penterjemahan adalah "hearsay".

Sayugia diambil perhatian bahawa dalam affidavitnya Inspektor Che Malek, antara lain, mengatakan:

(4) Isi-isi kandungan ekshibit "CMB1" dan "CMB2" telah diterangkan oleh saya dan diterjemahkan oleh Detektif Konstabel 70737 Sagathivan a/l

Rengasamy kepada pemohon.

Di mukasurat 2 perintah tahanan itu terdapat tandatangan dan butir-butir D/Konst. Sagathivan yang mengesahkan bahawa beliau menerangkan isi kandungan dokumen-dokumen berkenaan kepada pemohon dalam Bahasa Tamil. Pemohon juga mengesahkan bahawa beliau memahami isi kandungan dokumen-dokumen berkenaan dan menurunkan tandatangannya.

Persoalan pertama ialah adakah isi kandungan dokumen-dokumen itu diterangkan dan diterjemah kepada pemohon? Berdasarkan apa yang dinyatakan oleh Inspektor Che Malek dalam afidavitnya dan apa yang tercatat di mukasurat 2 perintah tahanan itu dan juga ketiadaan apa-apa affidavit difailkan oleh pemohon sendiri yang mengatakan sebaliknya, saya tidak merasa was-was barang sedikit pun bahawa isi kandungan dokumen-dokumen itu diterjemahkan kepada pemohon.

Persoalan kedua ialah adakah pernyataan-pernyataan yang tersebut dalam affidavit Inspektor Che Malek dan di perintah tahanan itu tidak boleh diterima atas alasan ianya adalah "hearsay" kerana penterjemah itu tidak memfailkan affidavit bahawa dia menterjemahnya?

Saya dirujuk kepada dua kes: [\*Naranjan Singh V. Public Prosecutor \[1948\] 1 LNS 36\*](#) dan [\*Tang Lew Keng V. Public Prosecutor \[1968\] 1 LNS 153\*](#). Dalam kes its satu "dying deposition" tidak diterima sebagai keterangan kerana jurubahasa yang menterjemahkannya daripada Bahasa Punjabi ke Bahasa Inggeris tidak dipanggil sebagai saksi. Dalam kes its keterangan perayu di Mahkamah dalam satu perbicaraan lain tidak diterima kerana jurubahasa yang menterjemahkannya tidak dipanggil sebagai saksi.

Perlu diambil perhatian kedua-dua kes ini melibatkan penerimaan dokumen-dokumen sebagai keterangan. Dalam kes ini tidak timbul soal penerimaan apa-apa dokumen seperti dalam kes-kes itu. Soalnya ialah adakah isi kandungan dokumen-dokumen berkenaan diterjemahkan? Inspektor Che Malek yang menerangkannya dan penerangannya diterjemah kepada pemohon mengatakan ia diterjemahkan. Ini disahkan oleh penterjemah itu sendiri dalam perintah tahanan itu. Ini adalah satu pernyataan fakta oleh orang yang menerang dan orang yang menterjemah. Soal "hearsay" tidak timbul. Kerana, bukan apa yang dikatakan oleh penterjemah itu yang hendak dimasukkan sebagai keterangan seperti dalam kedua-dua kes itu.

Seterusnya, dalam kes seperti ini, di mana keterangan adalah melalui affidavit, sejauh manakah Mahkamah patut memakai prinsip "hearsay" ini? Kalau apa yang dikatakan oleh Inspektor Che Malek itu hearsay, bagaimana pula affidavit isteri pemohon yang merupakan satu-satunya affidavit menyokong permohonan ini? Di perenggan 6 isteri pemohon antara lain mengatakan:

(6) Saya dinasihatkan dan sesungguhnya percaya bahawa pemohon tidak diberitahu sebab-sebab atau alasan-alasan tahanan dari mula-mula beliau ditahan. Pemohon telah diserang (assaulted) oleh anggota-anggota polis selepas ditahan.

Bukankah ini juga "hearsay"?

Saya berpendapat, hakikat bahawa tahanan hanya boleh dicabar kerana tidak mematuhi peruntukan prosedur tidak sepatutnya menyebabkan Mahkamah lupa kepada isi (substance)

dan cuma memandang kepada bentuk (form). Kita perlu melihat kepada bentuk. Tetapi, seterusnya, kita harus menyoal adakah kecacatan bentuk itu menyebabkan kecacatan isinya?

Untuk mengelak kekeliruan, perlu dijelaskan di sini, bahawa hujah yang dikemukakan oleh En. Karpal Singh berkenaan penterjemahan itu bukanlah berkenaan pemberitahuan sebab-sebab pemohon ditangkap yang dikehendaki diberitahu oleh Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan, walaupun affidavit isteri pemohon, mengatakan demikian. Yang diujahkan oleh Encik Karpal Singh ialah isi kandungan perintah tahanan dan alasan-alasan serta tuduhan-tuduhan (Ekshibit "CMB1" dan "CMB2") tidak boleh dikatakan diterangkan kepada pemohon kerana orang yang menterjemahkannya tidak memfail affidavit mengatakan beliau menterjemahkannya.

Saya berpuashati, tanpa sebarang was-was bahawa dokumen-dokumen itu diterangkan dan diterjemahkan kepada pemohon dan pemohon faham isi kandungannya. Kegagalan penterjemah memfail affidavit bukanlah satu kegagalan mematuhi mana-mana kehendak prosedur yang menjadikan permohonan tidak sah.